25 September 2026
25 September 2026
P.U. (B) 381

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PEMULAAN KAJIAN SEMULA TAMAT TEMPOH DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA

NOTICE OF INITIATION OF EXPIRY REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTIES WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PEMULAAN KAJIAN SEMULA TAMAT TEMPOH DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA

(AD 03/15 – SR 02/26)

BERIKUTAN penyiaran Notis Penamatan Pengenaan Duti Anti-Lambakan Yang Akan Berlaku Terhadap Import Keluli Aloi dan Bukan Aloi Gegelung Gulungan Sejuk yang Berasal atau Dieksport dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Viet Nam [*P.U. (B) 127/2026*] dalam *Warta* pada 1 April 2026, Kerajaan telah menerima suatu permintaan bagi kajian semula tamat tempoh terhadap pengenaan duti anti-lambakan bagi import keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20 milimeter hingga 2.60 milimeter dan kelebaran antara 700 milimeter hingga 1,300 milimeter tidak termasuk plat hitam kilang timah dan diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif daripada semua gred dan spesifikasi, yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China ("dagangan subjek") dan menurut subseksyen 28C(6) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan memulakan suatu kajian semula tamat tempoh terhadap pengenaan duti anti-lambakan ke atas dagangan subjek itu.

Permintaan bagi kajian semula tamat tempoh

2. Permintaan bagi kajian semula tamat tempoh itu telah dibuat oleh pengeluar dalam negeri di Malaysia bagi keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang berikut:

Mycron Steel CRC Sdn. Bhd.
Lot 717, Jalan Sungai Rasau, Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor
Malaysia.

Dagangan subjek

3. (1) Dagangan subjek itu dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00

dan 7225.50.90 00.

(2) Kod H.S. dan AHTN yang dinyatakan dalam subperenggan (1) diberikan hanya bagi maksud makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan dagangan subjek.

Duti anti-lambakan sedia ada

4. Duti anti-lambakan yang berkuat kuasa pada masa ini bagi dagangan subjek ialah duti anti-lambakan definitif di bawah Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (No. 2) 2026 [*P.U. (A) 24/2026*].

Alasan bagi kajian semula tamat tempoh

5. (1) Permintaan bagi kajian semula tamat tempoh itu adalah berdasarkan alasan bahawa penamatan duti anti-lambakan yang berkuat kuasa pada masa ini berkemungkinan menyebabkan lambakan dan kemudaratan berterusan atau berulang terhadap industri Malaysia.

(2) Pemohon mengemukakan keterangan yang mencukupi mengenai lambakan dan kemudaratan terhadap industri Malaysia serta hubung kait antara import dagangan subjek itu dengan kemudaratan yang dikatakan dialami oleh industri domestik di Malaysia.

(3) Kerajaan berpuas hati bahawa permintaan itu mengandungi alasan yang mencukupi untuk memulakan suatu kajian semula tamat tempoh.

(4) Dalam membuat keputusan ini, Kerajaan juga telah meneliti harga dagangan subjek di pasaran dalam negeri di Malaysia berhubung dengan kemungkinan lambakan itu berterusan atau berulang.

Tatacara

6. Setelah menentukan bahawa terdapat keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan suatu kajian semula tamat tempoh duti anti-lambakan berkenaan dengan import dagangan subjek, Kerajaan akan memulakan kajian semula tamat tempoh

menurut subseksyen 28C(6) Akta.

Soal selidik

7. (1) Bagi maksud mendapatkan maklumat yang disifatkan perlu bagi kajian semula tamat tempoh itu, Kerajaan boleh menghantar soal selidik kepada semua pihak berkepentingan yang berkenaan.

(2) Dalam apa-apa keadaan, semua pihak berkepentingan yang tidak dihubungi oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dijemput untuk menghubungi MITI melalui e-mel untuk mengetahui sama ada mereka disenaraikan dalam permintaan kajian semula tamat tempoh ini.

(3) Jika perlu, pihak berkepentingan itu boleh memohon salinan soal selidik itu dengan mengenal pasti jenis aktiviti perniagaan mereka yang berkaitan dengan kajian semula tamat tempoh ini.

Pengumpulan maklumat

8. Semua pihak berkepentingan dijemput untuk memberikan pandangan mereka secara elektronik, khususnya dengan menjawab soal selidik yang dialamatkan kepada mereka dan dengan mengemukakan keterangan sokongan.

Had masa

9. (1) Mana-mana pihak berkepentingan yang berhasrat untuk memohon soal selidik hendaklah berbuat demikian tidak lewat daripada lima belas hari selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*.

(2) Semua pihak berkepentingan hendaklah menyatakan pandangan mereka secara elektronik dan mengemukakan maklum balas soal selidik dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis ini dalam *Warta* sekiranya pandangan dan maklum balas itu hendak diambil kira semasa kajian semula tamat tempoh, melainkan jika dinyatakan selainnya.

Pengemukaan maklumat elektronik, maklum balas soal selidik dan surat-menyurat

10. (1) Semua pengemukaan maklumat dan maklum balas soal selidik hendaklah dibuat secara elektronik melalui Sistem Pengurusan Penyiasatan Remedi Perdagangan (TRIMA), yang boleh diakses di https://traderemedies.miti.gov.my dan apa-apa pertanyaan lanjut atau surat-menyurat boleh dikemukakan kepada—

Pengarah
Seksyen Amalan Perdagangan
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
Aras 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Nombor Telefon : (603) 6208 4644/4643/4642/4646
Alamat e-mel : alltps@miti.gov.my

(2) Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang perlu atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang memadai dalam had masa yang dinyatakan, Kerajaan boleh membuat penentuan berdasarkan fakta yang ada mengikut seksyen 41 Akta.

Bertarikh 25 September 2026
[MITI.600-2/2/60 (S); PN(PU2)529/JLD.35]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF INITIATION OF EXPIRY REVIEW OF ANTI-DUMPING DUTIES WITH REGARD TO IMPORTS OF COLD ROLLED COILS OF ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

(AD 03/15 – SR 02/26)

FOLLOWING the publication of the Notice of Impending Termination of the Imposition of Anti-Dumping Duties on Imports of Cold Rolled Coils of Alloy and Non-Alloy Steel Originating or Exported from the People's Republic of China, the Republic of Korea and the Socialist Republic of Viet Nam [*P.U. (B) 127/2026*] in the *Gazette* on 1 April 2026, the Government has received a request for an expiry review on the imposition of anti-dumping duty on the imports of cold rolled coils of alloy and non-alloy steel of a thickness between 0.20 millimetres to 2.60 millimetres and width between 700 millimetres to 1,300 millimetres excluding tin mill black plate and imported for the purpose of automotive end-usage of all grades and specifications, originating or exported from the People's Republic of China ("subject merchandise") and pursuant to subsection 28C(6) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government initiates an expiry review on the imposition of anti-dumping duties on the subject merchandise.

Request for expiry review

2. The request for expiry review was lodged by the following domestic producer in Malaysia for cold rolled coils of alloy and non-alloy steel:

Mycron Steel CRC Sdn. Bhd.
Lot 717, Jalan Sungai Rasau, Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor
Malaysia.

Subject merchandise

3. (1) The subject merchandise is classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7209.15.00 00,

7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 and 7225.50.90 00.

(2) The H.S. Code and AHTN specified in subparagraph (1) are given only for information and have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

Existing anti-dumping duties

4. The anti-dumping duties currently in force on the subject merchandise are definitive anti-dumping duties imposed under the Customs (Anti-Dumping Duties) (Administrative Review) (No. 2) Order 2026 [*P.U. (A) 24/2026*].

Grounds for the expiry review

5. (1) The request for expiry review is based on the grounds that the termination of the anti-dumping duties currently in force would be likely to lead to a continuation or recurrence of dumping and injury to the Malaysian industry.

(2) The applicant presented sufficient evidence of the dumping and injury to the Malaysian industry and the causal link between the imports of the subject merchandise with the alleged injury suffered by the domestic industry in Malaysia.

(3) The Government is satisfied that the request carries sufficient grounds to initiate an expiry review.

(4) In coming to the decision, the Government has also examined the prices of the subject merchandise in the domestic market in Malaysia in relation to the likelihood of a continuation or recurrence of dumping.

Procedure

6. Having determined that there is sufficient evidence to warrant an expiry review of the anti-dumping duties with regard to the imports of subject merchandise, the Government will initiate an expiry review pursuant to subsection 28C(6) of the Act.

Questionnaires

7. (1) In order to obtain information deemed necessary for the expiry review, the Government may send questionnaires to the relevant interested parties.

(2) In any event, all interested parties not contacted by the Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI) are invited to contact MITI by e-mail in order to find out whether they are listed in this expiry review.

(3) If necessary, such interested parties may request for a copy of the questionnaires by identifying the nature of their business activities related to the expiry review.

Collection of information

8. All interested parties are invited to make their views known by electronic means, in particular by responding to the questionnaires addressed to them and by providing supporting evidence.

Time limit

9. (1) Any interested party who desires to request for a questionnaire shall do so not later than fifteen days after the publication of this notice in the *Gazette*.

(2) All interested parties must present their views by electronic means and submit questionnaire responses within thirty days from the date of publication of this notice in the *Gazette* if such views and responses are to be taken into consideration during the anti-dumping duties expiry review, unless otherwise specified.

Submission of electronic information, questionnaires responses and correspondence

10. (1) All submissions of information and questionnaires responses must be made by electronic means via Trade Remedies Investigation Management System (TRIMA), which can be accessed at https://traderemedies.miti.gov.my and any request for clarification and correspondence may be directed to—

Director
Trade Practices Section
Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)
Level 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefone number : (603) 6208 4644/4643/4642/4646
E-mail address : alltps@miti.gov.my

(2) If the interested parties do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government may make its determination on the basis of the facts available in accordance with section 41 of the Act.

Dated 25 September 2026
[MITI.600-2/2/60 (S); PN(PU2)529/JLD.35]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Minister of Investment, Trade and Industry